



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 18 JULAI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	PENTERNAK MOHON KELONGGARAN KORBAN, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9 SEMARAK AIDILADHA DENGAN CARA BERBEZA, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9 TEMPAHAN HAIWAN KORBAN MEROSOT TERUK, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6.	JANTAN TAPI BERTELUR, LOKAL, METRO AHAD -10 MMEA DETAINS 14 VIETNAMESE, FISHING BOAT OFF MIRI FOR ENCROACHMENT, ILLEGAL FISHING, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -9 FISHING VESSEL DETAINED FOR FISHERIES ACT VIOLATION, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	TANAM HARUM MANIS DALAM PASU, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	13

# 17,000 lembu, kerbau berisiko LSD

**Alor Setar:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kedah menjangkakan kira-kira 17,000 lembu dan kerbau ternakan di negeri ini berisiko dijangkiti penyakit kulit kental berbonjol (LSD) dengan kadar kematian kurang daripada tiga peratus.

Pengarahnya, Dr Shaharul Akmar Talib berkata, sekiranya tidak dikawal kerugian secara keseluruhan akibat kematian ternakan dianggarkan sebanyak RM1.29 juta.

“Selain itu, kerugian juga boleh dialami disebabkan

lembu menjadi tidak sihat dan kurus, kekurangan pengeluaran bagi lembu tenusu, kerosakan pada daging yang menyebabkan tidak boleh dijual dan juga kerosakan kulit ternakan.

“Di seluruh Kedah jumlah ternakan lembu dan kerbau adalah kira-kira 57,500 ekor daripada 5,000 penternak,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Katanya, sebanyak 7,046 ternakan daripada 263 premis di negeri ini sudah diperiksa oleh Jabatan Veterinar.



MAARIF Maarof memberikan makanan kepada lembu ketika ditemui pemberita di ladang ternakannya di Mambau, Seremban semalam. - MINGGUAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Tanggung kerugian besar, peserta batal tempahan

## Penternak mohon kelonggaran korban

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA** dan **ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI**  
badrul.sa@medianua.com.my

**SEREMBAN:** Golongan penternak di Negeri Sembilan meminta supaya pihak berwajib memberikan kelonggaran supaya ibadat korban dapat dilakukan di ladang-ladang ternakan yang diusahakan mereka.

Ini bagi membolehkan mereka tidak rugi lebih teruk selepas ibadat korban diputuskan tidak dibenarkan di negeri ini bagi sambutan Aidiladha tahun ini.

Seorang penternak lembu dan kambing, Maarif Maarof, 64, berkata, sekiranya kelonggaran itu diberikan, golongan penternak bersedia untuk melaksanakan aktiviti korban dan penyembelihan ternakan de-

ngan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat termasuk dengan jumlah kehadiran petugas yang minimum di ladang.

"Pihak berkuasa tidak mahu orang ramai berkumpul ketika melaksanakan ibadat korban, jadi kalau buat di ladang kami yakin SOP dapat diikuti, kami juga tidak akan benarkan orang awam datang ke sini secara beramai-ramai.

"Apa yang penting adalah kita dapat jaga penjarakan fizikal. Bagi seekor lembu, ia boleh diuruskan dengan minimum enam orang petugas sahaja termasuk untuk proses melapah dan membungkus. Jika alasan proses pengagihan daging korban itu nanti boleh menyebabkan penyebaran jangkitan, apa bezanya dengan program sumbangan makanan

yang banyak dilakukan ketika ini?" katanya.

Dia yang juga Ahli Jawatankuasa Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan (PURNS) berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di ladang ternakannya di Mambau dekat sini, semalam.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan dalam kenyataannya semalam memaklumkan ibadat korban di seluruh negeri ini pada tahun ini adalah tidak dibenarkan selepas syor dan nasihat daripada Jawatankuasa Pengerusuran Bencana Covid Negeri Sembilan dan MKN.

Ketetapan tersebut diambil sebagai menyahut nasihat kerajaan agar semua bentuk aktiviti berkumpul dikawal bagi mengesok penularan pandemik Covid-19 ini.

## Tempahan haiwan korban merosot teruk

**BAGAN DATUK:** Penternak lembu dan kambing di sini reda dengan jualan haiwan ternakan untuk ibadat korban pada Hari Raya Aidiladha kali ini yang merosot teruk disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan wabak Covid-19.

Seorang penternak di Kampung Parit 11, Sungai Sumun di sini, Jam Jam Hassan, 57, berkata, setakat ini hanya dia hanya menerima tempahan empat ekor kerbau dan enam ekor kambing untuk ibadat korban kali ini.

Menurutnya, jumlah tempahan itu jauh lebih rendah berbanding menjelang Hari Raya Aidiladha sebelum ini.

Katanya, dia tidak menyangka menerima tempahan begitu rendah iaitu paling rendah sepanjang 22 tahun menceburi bidang penternakan.

"Daripada 32 ekor lembu yang saya ternak, hanya empat ekor yang dibeli manakala kambing pula hanya terjual enam ekor daripada 50 ekor keseluruhan, keadaan ini tentu saja mengecewakan saya.

"Sebelum (PKP), tempahan untuk ibadat korban tidaklah serendah ini malah lazimnya tiga bulan sebelum Aidiladha, sudah ada yang membuat tempahan tapi kali ini keadaannya jauh berbeza," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, di kawasan ini terdapat kira-kira 10 penternak lembu, kerbau dan kambing yang sudah dikenali dalam kalangan pelanggan yang membeli ternakan untuk pelbagai majlis dan ibadat korban.

Katanya, sebelum ini biasanya pada ketika ini, penternak di sini sibuk menghantar tempahan ternakan korban kepada pelanggan menjelang Aidiladha tidak lama lagi.

"Namun kali ini suasana sibuk sebegini sudah tiada lagi, kami penternak di sini kecewa," katanya.

Menurutnya, tempahan jauh merosot disebabkan orang ramai takut untuk keluar dan mengadakan aktiviti berkumpul semasa melakukan sembelihan korban disebabkan PKP.



SEORANG penternak menaikkan lembu tempahan ke atas kenderaan untuk dihantar kepada pelanggan ketika ditinjau di Sungai Sumun, Bagan Datuk, Perak, semalam. - MINGGUAN/AIN SAFRE BIDIN

## Semarak Aidiladha dengan cara berbeza

**PETALING JAYA:** Sambutan Hari Raya Aidiladha perlu disemarakkan dengan cara berbeza kerana ia bukanlah sekadar ibadat korban semata-mata, tetapi, boleh disambut melalui amalan-amalan sunat yang boleh dilakukan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Mufti negeri Johor, Datuk

Yahya Ahmad berkata, pelbagai amalan untuk menyambut Hari Raya Aidiladha boleh dilakukan ketika berada di rumah.

Katanya, amalan tersebut meliputi takbir, puasa sunat bahkan pelaksanaan ibadat korban juga tidak dihalang, tetapi dengan syarat mematuhi garis panduan yang ditetapkan

oleh majlis agama dan Jabatan Veterinar negeri-negeri.

"Bermula 1 Zulhijjah lagi sudah ada perkara-perkara sunat seperti puasa sunat yang boleh dilaksanakan tanpa mengira sama ada kita berada dalam keadaan PKP atau keadaan biasa.

"Lebih-lebih lagi kita disunatkan untuk berpuasa pada 9

Zulhijjah kerana itu merupakan hari arafah. Kita berada di rumah boleh merebut peluang menunaikan puasa itu kerana ganjaran pahalanya yang sangat besar.

"Kita juga dituntut bertakbir bermula subuh 9 Zulhijjah sehingga pada waktu asar, 13 Zulhijjah. Bertakbirlah kita kerana takbir itu adalah memuji

Allah yang merupakan syiar yang dituntut serta besar ganjaran pahalanya," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai sambutan Hari Raya Haji yang dijadualkan disambut umat Islam pada 20 Julai ini.

18/7/2021

METRO  
AHAD

LOKAL

10

## Port Dickson

Udang galah atau nama saintifiknya *Macrobrachium rosenbergii* merupakan spesies hidupan air yang sentiasa mempunyai permintaan tinggi daripada pengemarnya selain berpotensi besar dalam pasaran tempatan dan luar negara.

Menyedari perkara itu, pemilik ladang penternakan udang galah di sini, Giva Kuppusamy, 36, mengambil inisiatif dengan mengaplikasikan kaedah bioteknologi bagi menghasilkan induk udang galah secara monoseks (satu jantina sahaja), sekali gus memastikan bekalan induk udang galah itu sentiasa berterusan.

"Saya pernah bekerja di sebuah ladang ternak udang galah seluas 40 hektar di Pahang pada 2009 dan saya dapati masalah paling utama adalah dari segi induknya, banyak projek yang patut membela induk udang galah dan banyak duit di laburkan untuk penyelidikan tapi tiada hasil.

"Jadi, industri penternakan udang galah tak dapat nak berkembang, orang buka kolam banyak tetapi benih tiada, pada 2016 saya mulakan GK Aqua bersama lima lagi rakan kongsi untuk merintis teknologi dengan kaedah monoseks yang hanya menggunakan udang jantan," katanya kepada Bernama.


Giva yang merupakan lulusan bioteknologi di Universiti Malaya (UM) berkata, udang galah jantan itu 'dipasangkan' dan dibiakkan dengan teknik pembedahan mikro pada kelenjar androgeniknya dan ia akan berubah menjadi seakan-akan betina yang dipanggil *neo-female*.

Menurutnya, udang galah jantan normal disuntik dengan enzim *Ribonucleic Acid Interference* (RNAi) bagi menyekat tumbesaran menjadi jantan dan mengubahnya menjadi *neo-female* yang secara genetiknya masih lagi jantan, tetapi boleh mempunyai telur.

Jelasnya apabila ia sudah matang, *neo-female* ini akan 'dipasangkan' dengan induk jantan normal bagi proses mengawan dan hampir kesemua benih yang terhasil daripada *neo-female* itu adalah berjantina jantan.

Bellau berkata, pengeluaran udang galah melalui teknik berkenaan mampu meningkatkan kapasitinya selain ia cepat membesar sekitar tempoh empat bulan sahaja berbanding kaedah konvensional yang lazimnya menjangkau hingga sembilan bulan.

"Ia juga dapat mengu-



## JANTAN TAPI BERTELUR

Graduan UM guna kaedah neo-female galak pembiakan, saiz udang galah

INDUK udang galah dewasa yang bertelur di kolam penternakan GK Aqua.


rangkan kos operasi penternakan selain udang galah yang dihasilkan adalah tiga kali ganda lebih besar berbanding udang galah biasa dan berdasarkan rekod pelanggan, 100,000 benih melalui kaedah ini mampu memberi pulangan sekitar 1.200 hingga 1,500 tan metrik udang galah," katanya.

Anak kelahiran Perak yang sudah lama menetap di Negeri Sembilan ini berkata, kaedah berkenaan juga sudah mendapat perakuan daripada Jabatan Biokeselamatan dan Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik.

Mengulas lanjut bellau berkata, projek rintis penternakan 'sang sepi biru' itu bermula pada 2016 di sebuah tanah yang disewanya di Lenggeng berkeluasan sekar (40.66.86 meter persegi) di sini sebelum mengambil keputusan beralih ke ladang Bukit Pelandok atas faktor kesukaran mendapatkan sumber air yang berdekatan tahun lepas.



INDUK dihasilkan menggunakan kaedah monoseks bagi menjamin bekalan udang galah sentiasa berterusan.



INDUK udang galah di ladang penternakan GK Aqua.



"Induk udang galah dibiakkan di GK Aqua selama 38 hari dan kemudian dijual kepada pelanggan yang rata-rata mereka membuat perniagaan kolam pancing, jadi apabila PKP, orang tak dapat pergi memancing, jadi kita turut sama terkesan," jelas pemegang sarjana dalam bidang kelestarian ekobudaya di Scotland itu.

Dalam pada itu, bellau berkata, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan (JPNS) sering turun padang memantau sendiri keadaan ternakan selain turut membeli induk udang galah tersebut.

Jelas Giva, udang galah berkenaan memertu-

kan penjagaan yang sangat rapi dan perlu dipantau setiap jam terutamanya mengambil kira tahap suhu air serta kandungan mineral di dalam kolam ternakan selain menukar air kolam setiap 15 hari.

Selain itu, bellau berkata, pihaknya juga dalam perancangan menernak udang galah di sawah padi atau ugady di negeri ini antara usaha menghasilkan tanaman padi bebas kimia sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Sementara itu, Pengarah JPNS Halimi Abu Hanip berkata, usaha dibuat GK Aqua melalui kaedah monoseks itu dilihat sebagai ejen perubahan ke arah Revolusi Industri 4.0, sekali gus mampu menjadi pemangkin dalam merealisasikan hasrat menjadikan Negeri Sembilan sebagai lembah penternakan udang galah negara.

Headline	MMEA detains 14 Vietnamese, fishing boat off Miri for encroachment, illegal fishing		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	18 Jul 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	9	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	232 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,164
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,491



## MMEA detains 14 Vietnamese, fishing boat off Miri for encroachment, illegal fishing

**MIRI:** Fourteen crew members of a Vietnamese fishing vessel have been detained by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) for encroaching into Malaysian waters.

MMEA Sarawak director First Admiral (Maritime) Zin Azman Md Yunus in a statement today said the foreign crew members are aged between 19 and 54.

"Kapal Maritim (KM) Kota Kinabalu, while carrying out a patrol during Ops Permai on July 15 around 1.45pm, spotted the foreign fishing vessel some 2.4 nautical miles off the west of Tanjung Lobang, Miri.

"Based on the physical structure of the boat, it is suspected to be a Vietnamese fishing boat, and after nearly an hour chase, KM Kota Kinabalu managed to intercept the boat some 36 nautical miles of the said location," said Zin Azman.

Upon inspection, the fishing vessel was found to have no valid papers and license from the Fisheries Department to carry out fishing activities in Malaysian waters.

"All 14 Vietnamese crew members including skipper without identification documents



The 14 Vietnamese crew members being detained by MMEA. — Photo courtesy of MMEA

were detained and the boat, together with fishing equipment, 3,000 litres of diesel and 800kg catch worth around RM1 million were seized before being taken to Maritime Vessel Detention Centre in Pulau Melayu for further investigation," he said.

Zin Azman said the case will be

investigated under the Fisheries Act 1985 for carrying out fishing activities in Malaysian waters without a valid permit and Immigration Act 1959/63.

He added that all crew members had undergone Covid-19 screening test as a precautionary measure upon

arrival at the jetty.

For complaints and information on any suspicious activities at sea, the public can call Miri Maritime Zone Operations Centre at telephone number 085-418204, or Sarawak Maritime Operations Centre at 082-432544 or MERS 999 around the clock.

Headline	Fishing vessel detained for Fisheries Act violation		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	18 Jul 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	9	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,827
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,482



The fishing vessel seized in the raid.

## Fishing vessel detained for Fisheries Act violation

**SIBU:** Region 5 Marine Police have detained a Class C fishing vessel for violating the Fisheries Act 1985 in Bintulu waters yesterday.

Its commanding officer ASP Ezuandi Bahadi said a 50-year-old local individual and a foreign national in his 30s, were also detained during 'Ops Benteng


Covid-19' about 9.30am.

"Inspection of the vessel found that the local man was employing a foreign crew without permission from the director of Fisheries

Dept," he said in a statement.

He said the vessel worth about RM250,000 was seized and referred to the Fisheries Department here for further action.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



# TANAM HARUM MANIS DALAM PASU

Guru Geografi guna kaedah mudah diuruskan terutama untuk aliran air, baja serta racun

## AGRO

Oleh Siti Rohana Idris  
arn@hmetro.com.my

Menggunakan pendekatan sama seperti menanam pelbagai pokok buah-buahan di dalam pasu bagi meminimumkan penggunaan tanah, kelainan itu terus dieksperimen melalui penanaman pokok mangga harum manis.

Bukan saja bagi menghadkan penggunaan tanah, malah 30 pokok mangga harum manis daripada baka MA128 itu hidup subur dan membuahkan hasil.

Kaedah penanaman dalam pasu itu dijalankan seorang guru dari Kampung Paloh, Tendong, Pasir Mas, Mohd Rosli Yaakub, 51, bermula lima tahun lalu, namun untuk penanaman pokok baka MA128 itu sudah dimulakan pada sejak 2013.

Bapa kepada lima cahaya mata itu berkata, bukan sahaja tanah dapat diperuntukkan untuk tanaman lain, malah kaedah penanaman dalam

pasu juga sangat mudah diuruskan terutama untuk aliran air, baja serta racun.

"Setiap pasu saya pacakkan paip untuk mengairi pokok dan air yang dibekalkan itu hanya mengalir sekitar dalam pasu sahaja begitu juga untuk pemberian baja serta racun yang tidak berselerak ke tempat lain.

"Susun letak pasu juga dibuat secara zig zag bagi

mengelakkan tumbesaran pokok terhalang antara satu sama lain.

"Penjagaannya cukup mudah dan ringkas dengan pengairan yang terhad alirannya, penggunaan baja dua minggu sekali serta racun pula disembur sebulan atau dua bulan sekali bagi menjaga daun," katanya ketika ditemui di rumahnya baru-baru ini. Dia yang memperoleh

benih daripada pembekal dari Johor mengakui untuk sebatang pokok mangga harum manis yang ditanamnya boleh mengeluarkan sehingga 70 biji.

"Jangka masa yang diambil untuk pokok mangga itu bermula dari awal sehingga mengeluarkan hasil adalah sekitar empat bulan," katanya.



MANGGA harum manis menjadi kegemaran ramai kerana rasanya yang lazat.



SEBATANG pokok mangga harum manis boleh menghasilkan sehingga 70 buah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



ANTARA buah yang dipetik.

Sebaik buah mula kelihatan dengan ukur lilitnya 16 sentimeter, dia akan membalutnya menggunakan pembalut khas dan lazimnya jangka masa yang diambil kira-kira 56 hari sebelum sesuai dipetik.

"Biasanya saya tambahkan lagi masa selama 14 hari selepas mencapai 56 hari itu bagi membiarkan buahnya masak di pohon dan buah juga akan dibalut dengan pembalut khas bukannya surat khabar bagi mencantikkan kulit serta mengelakkan serangan lalat buah.

"Buah mangga harum manis memang menjadi kegilaan ramai selain rasanya yang lazat, bijinya juga nipis. Bagi saya, kekangan tanah yang sempit bukan penghalang kepada mereka yang ingin mengusahakan tanaman ini kerana boleh ditanam dalam pasu sahaja," katanya.

Mohd Rosli berkata, dia kini dalam perancangan untuk menjalankan penanaman luar musim berbanding kebiasaannya hanya ditanam sekali setahun sahaja bagi menggalakkan pengeluaran.

Selain 30 pokok mangga harum manis atau digelar sebagai 'Pauh Wongi Manih Leting' di Kelantan, Mohd Rosli turut menanam jambu madu Taiwan, rambutan laici, manggis ruasta, sentul dan belimbing juga dalam pasu di tanah seluas kira-kira 0.2 hektar.

Selain untuk dimakan,

penanaman pelbagai pokok buah-buahan itu adalah sebagai stok makanan kepada kelulut yang turut diternaknya iaitu sebanyak 100 sarang di sekitar rumah.

"Sebab itu madu yang dihasilkan kelulut ini mempunyai rasa yang pelbagai kerana stok makanannya terdiri daripada aneka pokok buah-buahan," katanya.

Guru subjek Geografi di Sekolah Menengah Kebangsaan Berangan, Tumpat itu



BUAH perlu dibalut dengan pembalut khas.



FOTO: INK ABDULLAH NIK OM

MEMERIKSA buah supra sentiasa dalam keadaan ba

turut memanfaatkan ilmu penanaman yang dimilikinya itu di sekolah dengan menanam sebanyak sembilan pokok mangga harum manis yang juga dalam pasu sekali gus menarik perhatian pelajar.

Dia berkata, sebahagian daripada tanah yang terbiar dalam kawasan sekolah itu sudah pun ditanam dengan pelbagai sayur-sayuran untuk pembelajaran pelajar dari beberapa kelas akhir bagi mengelakkan mereka ponteng.

"Untuk tanaman pokok mangga harum manis ini pula bukan sahaja lebih menarik minat pelajar tapi juga termasuk ibu bapa dari kampung itu yang bertanyakan mengenai cara penanaman pokok buah berkenaan.

"Sebagai seorang yang mempunyai hobi bertani, saya tidak lokek untuk berkongsi ilmu supaya ia dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan golongan dan latar belakang," katanya.

Setiap pasu saya pacakkan paip untuk mengairi pokok dan air yang dibekalkan itu hanya mengalir sekitar dalam pasu sahaja begitu juga untuk pemberian baja serta racun yang tidak berselerak ke tempat lain

**MOHD ROSLI**

TURUT menjadi stok makanan lebah kelulut yang diternak di sekitar rumahnya.